

# Isteri TYT dikurniakan darjah kebesaran Sabah SPDK membawa gelaran Datuk Seri Panglima

NST 07.10.2012 2

OLEH MARRYAN RAZAN  
marryan@newsabahtimes.com.my

KOTA KINABALU: Isteri Tuan Yang Terutama (TYT) Yang di-Pertua Negeri Sabah, Toh Puan Datuk Seri Panglima Hajah Norlidah Datuk R.M. Jasni dikurniakan darjah kebesaran tertinggi Negeri Sabah, Seri Panglima Darjah Kinabalu (SPDK) yang membawa gelaran Datuk Seri Panglima sempena Hari Jadi Rasmi TYT ke-59.

Istiadat Pengurniaan Darjah-darjah dan Bintang-bintang serta Pingat-pingat Negeri Sabah berlangsung di Dewan Istiadat Istana Negeri, kelmarin.

Dalam majlis tersebut, Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Kundasang, Datuk Dr Joachim Gunsalam mendahului senarai 20 penerima darjah kebesaran Panglima Gemilang Darjah Kinabalu (PGDK) yang membawa gelaran Datuk.

Darjah kebesaran juga dianugerahkan kepada Naib Canselor Universiti Malaysia Sabah (UMS), Datuk Prof. Mohd Harun Abdullah dan Rektor UiTM Cawangan Sabah, Dr Haji Abdul Kadir Rosline.

Turut menerima, Pengarah Kesihatan Negeri Sabah, Datuk Dr Mohd Yusof Haji Ibrahim; Setiausaha Tetap Kementerian Pembangunan Industri, Datuk Haji Hashim Pajjan dan Pengarah Tenaga Kerja Sabah Datuk Siti

Aisah Mohd Asry.

Dua orang menerima Watikah Pelantikan sebagai Jaksa Pendamai (JP) iaitu Mayor Bandaraya Kota Kinabalu, Datuk Abidin Madingkir dan Lee Pong Choi.

Manakala sembilan orang lagi dikurniakan Ahli Setia Darjah Kinabalu (ASDK) terdiri daripada Dr Lideh Haji Sallun @ liddy, Julia Willie Jock, Lucy Liskin Batak, Lee Pao Lok, Peter Fung Kiam Fui, Kalasa @Alaska Sahat, Haji Rizal Othman, Kenneth Boon dan Mohamad Sulaiman.

Turut disenaraikan sebagai penerima bintang keempat tertinggi Ahli Darjah Kinabalu (ADK) ialah Ketua Polis Daerah Tawau, ACP Ibrahim Chin; Pegawai Pemerintah BN 17 PGA Lahad Datu, Supt Ahmad Fuad Othman; Pegawai Penerangan Bahagian Tawau, Dr Arby Cole dan Penerbit Rancangan di RTM Sabah, Roszlan Hussain.

Peenerima lain ialah Kol (Dr) Adnan Abdullah, Mejar (JTM) Ahmad nazir Ibrahim, Wong Teck cheung, Umi Kalsom Seti, Ronald Paulus Masigi, Serin @ Hasrin Awang, Mohd Amin Kan Abdullah, Sezto Wing Yee dan Kapt. Abd Hamid Ali.

Turut hadir pada majlis itu, Ketua Menteri, Datuk Seri Musa Aman dan isteri Datin Seri Faridah Tusin; menteri-menteri kabinet serta isteri masing-masing dan Setiausaha Kerajaan Negeri, Tan Sri Sukarti Wakiman.



TAHNIAH ... Norlidah dikalungkan darjah SPDK oleh Tun Juhar sambil diperhatikan oleh Musa (kanan) dan Sukarti (kiri).